

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

## KEBERHASILAN DAN PELAKSANAAN WASATIYYAH DALAM KONTEKS KONTEMPORARI

الحمد لله والصلاة والسلام على رسول الله وعلى آله وصحبه ومن والاه , أما  
بعد :

### ABSTRAK

*Wasatiyyah merupakan salah satu ciri terpenting dalam syariat islam. Ciri inilah yang menyebabkan agama islam sesuai diamalkan sepanjang zaman. Kertas kerja ini cuba merungkai beberapa aspek wasatiyyah dan keseimbangan dalam ajaran islam yang patut diambil kira dalam merangka kehidupan di dunia masa kini. Nilai wasatiyyah yang dikemukakan adalah bersangkut paut dengan keseimbangan yang diperlukan dalam dunia pendidikan moden, dakwah Islamiyah. Dalam tiap-tiap aspek yang disentuh, penulis akan menerangkan sumber ambilan aspek yang dibincangkan dari sumber yang mu'tabar, diikuti dengan contoh keberhasilan mempraktikkan nilai wasatiyyah, serta kesan buruk yang terhasil apabila berlaku kecuaiian atau keterlampaun dalam aspek-aspek tertentu.*

### Pengenalan

Wasatiyyah berasal dari kalimah “الوسط” dalam bahasa arab, sekiranya huruf sin diberikan baris fathah, maka kalimah ini membawa makna pertengahan, keseimbangan dan keadilan. Sekiranya huruf sin dimatikan dengan tanda sukun, maka kalimah ini membawa makna kebaikan. <sup>1</sup> Oleh itu, makna kalimah wasatiyyah berkisar dari makna-makna yang tersebut diatas.

Dari segi istilah, kalimah wasatiyyah merujuk kepada sesuatu yang baik diantara dua kebaikan , atau kebaikan yang wujud di tengah-tengah dua perkara yang keterlaluan dan melampau, atau yang terbaik diantara beberapa tahap kebaikan. <sup>2</sup>

Apabila berdepan dengan dua pilihan, antara yang baik dan buruk, nilai wasatiyyah bukan pada jalan tengah atau tolak ansur, namun mengambil yang baik itu adalah wasatiyyah.

Begitu juga apabila berdepan dengan dua pilihan, antara yang baik dan yang lebih baik, mengambil yang terbaik antara keduanya adalah nilai wasatiyyah

Setengah perkara pada asalnya adalah sesuatu yang baik , namun apabila keterlaluan melebihi perkara tersebut, akan mengurangkan hak kebaikan yang wujud pada aspek yang

---

<sup>1</sup> Sila rujuk “mu’jam maqayis al-lughah” karangan ibnu faris. Dan mu’jam “lisan al-arab” karangan ibnu manzhur.

<sup>2</sup> Sila rujuk kitab “al-wasatiyyah fil quran” karangan Dr Muhamaad Ali shalabi

lain yang bertentangan, yang juga pada asalnya adalah baik. Dalam situasi begini memilih keseimbangan antara dua kebaikan ini adalah wasatiyyah.

Wasatiyyah seperti yang disebutkan diatas hendaklah dijadikan sebagai manhaj dalam berfikir dan bertindak, serta berinteraksi dengan pelbagai situasi dan perbezaan dalam pelbagai aspek kehidupan.

Kegagalan menerapkan wasatiyyah dalam berinteraksi dengan sesuatu perkara akan melahirkan tindakan yang terlampau keras dan ekstrim yang dikenali dengan istilah “ifrat” , atau melahirkan tindakan yang terlalu lemah dan longgar, serta mengambil mudah dan cuai dalam melaksanakan tanggungjawab yang dikenali dengan istilah “tafrit”.

## **Neraca Pertimbangan Wasatiyyah**

Dalam menentukan titik wasatiyyah atau kesederhanaan, sudah pasti akan wujud perbezaan dalam membuat penilaian antara individu, kelompok dan ideologi yang berlainan. Jesteru, neraca pertimbangan yang tepat untuk menentukan sesuatu perkara atau keadaan itu adalah tergolong dalam wasatiyyah atupun tidak adalah neraca syara'. Segala sesuatu yang bertepatan dengan ketentuan syara' adalah perkara yang wasatiyyah, dan segala yang tidak menepati kehendak syara' adalah terkeluar dari wasatiyyah. Hal ini kerana Allah s.w.t telah menurunkan syariat islam sebagai syariat yang syumul, seimbang , praktikal, adil, toleransi, bersesuaian dengan firah dan keperluan hidup manusia, dan yang lebih penting dari itu syariat islam adalah syariat yang memelihara hak Allah dan hak seluruh makhluknya.

Seruan kepada wasatiyyah merupakan seruan untuk kembali mengamalkan isi ajaran islam secara menyeluruh dengan mengambil kira segala aspek yang dipertimbangkan syara' tanpa berlaku sebarang keterlaluan atau kecuaiian dalam mana-mana aspek yang berkaitan. Umat yang dapat melaksanakan tuntutan syariat dengan seimbang adalah umat yang bersifat wasati, adil dan terpilih. Allah s.w.t berfirman :

**(وكذلك جعلناكم أمة وسطا لتكونوا شهداء على الناس ويكون الرسول عليكم  
شهيذا )<sup>3</sup>**

*Ertinya : “ Dan demikian (pula) Kami telah menjadikan kamu (umat Islam), umat yang adil dan pilihan (wasat) agar kamu menjadi saksi atas (perbuatan) manusia dan agar Rasul (Muhammad) menjadi saksi atas (perbuatan) kamu”*

Oleh kerana mereka berlaku adil, maka Allah s.w.t menjadikan mereka sebagai saksi keatas umat manusia. Rasulullah s.a.w adalah orang yang paling adil dikalangan manusia, maka baginda akan dijadikan sebagai saksi keatas umat ini.

---

<sup>3</sup> Al-Baqarah : 143

Rasulullah s.a.w melarang umatnya daripada melakukan perkara ekstrim dan melampau dalam segala urusan, baginda bersabda :

" إياكم والغلو, فإنما أهلك من كان قبلكم الغلو " <sup>4</sup>

Ertinya “ jauhilah kalian dari berlaku melampau, bahawasanya umat-umat terdahulu itu binasa kerana keterlaluan “

## Wasatiyyah dalam Pendidikan

Pendidikan dan dakwah merupakan proses terpenting dalam membentuk sebuah masyarakat bertamadun. Antara elemen yang dibentuk oleh proses pendidikan ialah proses penyampaian ilmu. Namun, ilmu bukanlah satu-satunya tujuan dalam pendidikan, terdapat beberapa aspek perlu ditekankan disamping pengajaran ilmu. Peranan dan fungsi pendidik atau pendakwah perlu dirujuk kepada tugas dan tanggungjawab seorang rasul diutuskan agar proses pendidikan dan dakwah itu mencapai piawaian wasatiyyah. Allah s.w.t berfirman :

(هُوَ الَّذِي بَعَثَ فِي الْأُمِّيِّينَ رَسُولًا مِّنْهُمْ يَتْلُو عَلَيْهِمْ آيَاتِهِ وَيُزَكِّيهِمْ وَيُعَلِّمُهُمُ  
الْكِتَابَ وَالْحِكْمَةَ وَإِن كَانُوا مِن قَبْلُ لَفِي ضَلَالٍ مُّبِينٍ) <sup>5</sup>

Ertinya : “ Dia-lah yang mengutus kepada kaum yang ummi seorang Rasul di antara mereka, yang membacakan ayat-ayat-Nya kepada mereka, mensucikan mereka dan mengajarkan mereka kitab dan Hikmah (As Sunnah). dan Sesungguhnya mereka sebelumnya benar-benar dalam kesesatan yang nyata”

Di dalam ayat diatas, Allah s.w.t menetapkan empat tugas nabi Muhammad s.a.w mengikut turutan, tugas ini juga harus dipikul oleh setiap pendidik dan pendakwah iaitu :

Pertama : Membacakan ayat-ayat Allah ( يتلو عليهم آياته ) . iaitu tugas menyampaikan.

Kedua : Mensucikan mereka ( ويذكيهم ) iaitu tugas mendidik jiwa.

Ketiga : Mengajarkan mereka al-quran ( ويعلمهم الكتاب ) iaitu tugas mendidik pemikiran berdasarkan al-quran.

Keempat : Mengajarkan Sunnah ( والحكمة ) iaitu tugas membimbing mereka dalam mengamalkan isi kandungan al-quran secara praktikal kerana al-hikmah disini membawa erti as-sunnah yang merupakan bimbingan dan contoh tauladan secara praktikal.

Umat islam yang disifatkan sebagai “umatul wasat” iaitu umat yang terbaik dan seimbang yang dicontohkan oleh generasi sahabat dan salafus soleh, tidak terjadi dengan sendirinya,

<sup>4</sup> Diriwayatkan oleh Imam An-Nasa’i (5/269) dihukumkan sahih oleh Sheikh Al-Albani dalam “salsalah ahadith sahihah”(1284)..

<sup>5</sup> Al- Jumu’ah : 2

namun mereka telah ditarbiyah oleh Rasulullah s.a.w melalui empat peringkat yang disebutkan diatas.

Dalam dunia pendidikan yang menghadkan tugas guru hanya sebagai satu profesyen melaksanakan tugas pertama pendidik sahaja iaitu menyampaikan ilmu, tanpa diberi ruang untuk melaksanakan tiga tugas yang lain merupakan satu kecuaihan (ifrat) , sudah pasti akan melahirkan murid yang tidak seimbang. Berkemungkinan akan wujud pelajar yang tinggi IQ-nya, namun rendah moral dan agamanya. Begitu juga memberi tugas kepada guru melebihi kemampuan seorang guru dengan pelbagai tanggungjawab yang tidak berkaitan dengan tugas seorang pendidik merupakan suatu keterlaluan ( tafrit). Nilai wasatiyyah ialah memberikan tugas kepada guru sesuai dengan tugas pendidik seperti yang dicontohkan oleh Rasulullah s.a.w.

Dalam membincangkan isu ini juga, perlu diingatkan bahawa menjalankan tugas mendidik adakalanya memerlukan kepada ketegasan dan dalam setengah keadaan yang memerlukan kepada denda dan rotan yang sekadarnya mengikut peraturan yang ditetapkan syara'. Melarang denda dan rotan secara total adalah tidak wajar, begitu juga memberikan kebebasan mendenda dan merotan pelajar secara total tanpa melihat kepada umur pelajar dan jenis kesalahan yang dilakukan juga adalah tidak wajar.

Dalam konteks yang lebih luas tugas mendidik tidak terhad kepada tugas guru sahaja, malah pemimpin, pendakwah, ibu bapa dan setiap anggota masyarakat perlu memikul tanggungjawab sebagai seorang pendidik kepada golongan yang berada dibawah tanggungjawab mereka kerana proses pendidikan tidak terhad sekolah sahaja.

## **Wasatiyyah dalam penggunaan akal**

Syariat islam meletakkan akal ditempat yang tinggi, syarat utama seseorang itu diberikan tanggung jawab sebagai seorang mukallaf adalah berakal. Malah diantara tujuan syariat islam diturunkan adalah untuk memelihara akal manusia.

Apabila fungsi akal tidak diberikan perhatian, sudah pasti yang akan lahir adalah kejahilan, kejumudan dan kemunduran. Sebaliknya, apabila akal ditugaskan dengan tugas di luar kemampuannya, sudah pasti yang akan lahir adalah kekeliruan , kesesatan dan kezaliman.

Akal manusia mempunyai kemampuan luar biasa dalam mengumpulkan maklumat yang dihantar oleh seluruh deria yang ada pada diri manusia. Oleh itu, akal adalah sumber utama untuk membezakan antara yang benar dan yang salah dalam ilmu-ilmu sains yang berasaskan pemerhatian dan eksperimen terhadap sesuatu yang wujud di “alam syahadah”. Namun, apabila berdepan dengan perkara-perkara ghaib, iaitu perkara-perkara yang tidak mampu dicapai oleh deria dan akal manusia, akal tidak akan mampu membezakan yang benar atau salah dalam urusan ini, kerana perkara ghaib ialah perkara-perkara yang berlaku diluar kemampuan akal untuk memerhatikannya. Maka, semua urusan ghaib mesti diserahkan kepada yang maha mengetahui perkara ghaib iaitu Allah s.w.t. Oleh yang demikian, sumber

ilmu pengetahuan berkaitan urusan ghaib hanyalah al-quran dan sunnah rasulullah s.a.w. Fungsi akal dalam konteks ini adalah sebagai alat untuk memahami isi kandungan al-quran dan as-sunnah.

Ketika berbicara tentang alam yang nyata, Allah s.w.t menggalakkan manusia menggunakan potensi akal yang mereka miliki untuk memerhati, mengkaji dan memikirkan kejadian makhluknya sehingga terlihat kebesaran Allah melalui ciptaanNya, dengan mengenal sunnatullah pada makhluk Allah akan menyebabkan perkembangan ilmu sains yang akan memajukan urusan dunia mereka. Sebagai contoh firman Allah berkaitan alam nyata (alam syahadah), firman Allah s.w.t :

**(أَفَلَا يَنْظُرُونَ إِلَى الْإِبِلِ كَيْفَ خُلِقَتْ . وَإِلَى السَّمَاءِ كَيْفَ رُفِعَتْ . وَإِلَى الْجِبَالِ كَيْفَ نُصِبَتْ . وَإِلَى الْأَرْضِ كَيْفَ سُطِحَتْ)٦**

*Ertinya : “ Maka Apakah mereka tidak memperhatikan unta bagaimana ia diciptakan? dan langit, bagaimana ia ditinggikan? dan gunung-gunung bagaimana ia ditegakkan? dan bumi bagaimana ia dihamparkan? ”*

Manakala, ketika Allah s.w.t berbicara mengenai perkara ghaib, tidak wujud satu ayat sekalipun yang menyuruh manusia mengkajinya melalui pemerhatian kerana memang manusia tidak mampu meerhatikannya. Sebaliknya, Allah menuntut manusia untuk beriman dengan segala perkara ghaib yang diberitakan dalam al-quran tanpa sebarang keraguan. Allah s.w.t berfirman :

**(الم . ذَلِكَ الْكِتَابُ لَا رَيْبَ فِيهِ هُدًى لِّلْمُتَّقِينَ . الَّذِينَ يُؤْمِنُونَ بِالْغَيْبِ )**

*Ertinya : “ Alif laam mim. Kitab (Al Quran) ini tidak ada keraguan padanya, merupakan petunjuk bagi mereka yang bertaqwa, iaitu mereka yang beriman kepada yang ghaib ”*

Keterlaluhan dalam mengagungkan akal sehingga memaksanya memutuskan suatu kebenaran berkaitan perkara ghaib adalah sesuatu yang melampau, zalim dan sesat. Keadaan inilah yang menjadi punca kesesatan golongan ahli falsafah dan ramai daripada ahli kalam seperti muk'tazilah, jahmiyyah, jabariyyah dan lain-lain aliran sesat dalam ilmu aqidah. Mereka menggunakan ilmu “mantiq” yang berasaskan “tasawwur” dan “tasdiq” berkaitan kewujudan di alam syahadah sebagai neraca menentukan kebenaran berkaitan urusan ghaib termasuk ketika berbicara tentang Zat dan Sifat Allah s.w.t.

Begitu juga sebaliknya, kecuaihan dan menidakkan kemampuan akal dalam urusan yang mampu dilaksanakan olehnya adalah suatu kejahilan, kemunduran dan kesesatan. Keadaan inilah yang berlaku kepada sebahagian golongan sufi yang tersesat dalam agama yang menolak kewarasan akal dalam banyak perkara. Sehingga sebahagian mereka mengagungkan

---

<sup>6</sup> Al ghasyiyah : 17-19

golongan yang mereka anggap sebagai syekh atau wali melebihi ketentuan syara' dan kewarasan akal.

Begitu juga kesan daripada menidakkan keperluan akal dalam urusan keduniaan, melahirkan golongan yang menolak ilmu sains dan segala jenis kemajuan dan inovasi dalam pelbagai bidang atas alasan ianya berasal dari yahudi dan nasrani. Sebaliknya, menerima semua teknologi tanpa memikirkan kesan buruk yang ditimbulkan juga merupakan suatu keterlaluan.

Seharusnya, dalam memahami dan mengambil pendirian berkaitan urusan-urusan ini, nilai wasatiyyah hendaklah diterapkan. Wasatiyyah dalam konteks ini adalah cara yang dilakukan oleh umat salaf yang terdahulu iaitu mengajak manusia kepada "ittiba" iaitu patuh dan taat dalam urusan agama, dan kepada "ibda" iaitu kreatif dan inovatif dalam urusan dunia. Dengan menerapkan konsep ini, pegangan agama semakin kukuh, pada masa yang sama dunia akan bertambah maju dan bertamadun. Inilah yang penulis maksudkan dengan kebaikan, keadilan dan keseimbangan dalam meletakkan peranan akal.

Justeru, usaha untuk mengajak umat islam kembali menjadikan al-quran dan as-sunnah sebagai petunjuk, pemutus urusan dalam memahami agama, di samping menggalakkan mereka menggunakan akal yang dimiliki untuk memahami dan menggali khazanah ilmu yang terdapat dalam kedua sumber ini, melalui pelbagai aktiviti dan program di pelbagai peringkat, melalui institusi-institusi kerajaan dan bukan kerajaan demi melahirkan masyarakat yang diredhai oleh Allah s.w.t

Begitu juga, usaha untuk mengajak umat untuk menggunakan potensi akal mereka dalam mendalami ilmu sains dan teknologi dan segala jenis ilmu dunia hendaklah dilakukan dengan sesungguhnya, agar pada suatu hari nanti, segala kemajuan ilmu dan kekuatan dalam segala bidang akan diterajui oleh umat islam.

## **Wasatiyyah antara aqidah dan dakwah**

Ilmu aqidah dan ilmu dakwah adalah dua ilmu yang mesti dikuasai dalam membentuk pendirian dan membina hubungan antara manusia.

Ilmu aqidah menekankan kepentingan keyakinan yang kukuh terhadap kebenaran sehingga melahirkan perasaan kesetiaan (al-wala') terhadap kebenaran dan ahlinya, dan berlepas dan benci (al-barra') terhadap kesesatan dan ahlinya mengikut tahap kesesatan tersebut. Ilmu aqidah merupakan ilmu berkaitan keteguhan hati dan perinsip.

Manakala, ilmu dakwah adalah ilmu penyampaian. Fokus perbincangan ilmu dakwah tertumpu kepada bagaimana menyampaikan kebenaran islam kepada seluruh manusia sehingga dapat diterima. Dasar penyampaian dakwah adalah hikmah, nasihat dan peringatan yang baik, serta perbincangan dan dialog yang terbaik. Ketiga-tiga bentuk penyampaian dakwah tersebut ini hendaklah dilakukan dalam bentuk yang sopan dan lembut. Allah s.w.t berfirman :

(ادْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحُكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ وَجَادِلْهُمْ بآلَتِي هِيَ أَحْسَنُ)<sup>7</sup>

Ertinya : “Serulah (manusia) kepada jalan Tuhan-mu dengan hikmah, dan peringatan yang baik dan berdebatlah dengan mereka dengan cara yang baik”

Perpaduan antara dua ilmu ini , akan melahirkan pendakwah yang baik dan sopan akhlaknya, namun tegas dan berperinsip terhadap isi kandungan yang disampaikan. Sebagai contoh perintah Allah s.w.t kepada seorang anak yang dipaksa oleh kedua ibu bapanya yang kafir untuk melakukan syirik , maka hendaklah dia berperinsip dengan tidak mentaati perintah tersebut, namun tetap berakhlak dalam bergaul dan berdakwah kepada mereka dengan cara yang baik. Allah s.w.t berfirman :

(وَإِنْ جَاهِدَاكَ عَلَىٰ أَنْ تُشْرِكَ بِي مَا لَيْسَ لَكَ بِهِ عِلْمٌ فَلَا تُطِعْهُمَا ۗ وَصَاحِبُهُمَا فِي الدُّنْيَا مَعْرُوفًا)<sup>8</sup>

“ Dan jika keduanya memaksamu untuk melakukan syirik kepada aku dengan sesuatu yang tidak ada pengetahuanmu tentang itu, Maka janganlah kamu mengikuti keduanya, dan gaulilah mereka berdua di dunia dengan baik”

Kecuaian terhadap salah satu dari dua ilmu ini, akan melahirkan individu yang tidak seimbang. Kecuaian terhadap ilmu dakwah, akan melahirkan seorang pendakwah yang berperinsip , namun keras dan bengis dalam penyampainnya sehingga dakwahnya ditolak dan dipandang serong oleh “madu’win” , malah berkemungkinan kewujudan pendakwah sebegini dalam lapangan dakwah akan menyebabkan masyarakat menjauhkan diri dari ajaran islam. Sebaliknya, kecuaiian dalam ilmu aqidah, akan melahirkan pendakwah yang baik dan sopan serta diterima oleh banyak golongan, namun individu ini sendiri tidak mampu membezakan yang benar dan salah , serta tidak mempunyai pendirian dan perinsip yang jelas terhadap agamanya, sehingga kewujudannya dalam medan dakwah tidak memberi manfaat terhadap agama islam. Lebih dari itu, berkemungkinan individu yang sebegini sangat mudah berlapang dada dengan kesesatan dan menjadi seorang pendukung pemikiran liberal.

Dalam konteks pergaulan dan hubungan dengan golongan yang berbeza aqidah atau manhaj, pendakwah yang berjaya menggabungkan antara dua ilmu ini, telah melakukan proses “mudaarah” yang dibenarkan islam, manakala yang bertolak ansur tanpa perinsip dan ilmu, telah melakukan proses “al-mudahanah” yang diharamkan agama.

Jesteru, usaha untuk mengukuhkan kefahaman terhadap kedua-dua ilmu ini, dan meletakkan kedua-duanya ditempat yang sesuai hendaklah terus dilakukan agar melahirkan pendakwah

<sup>7</sup> An- Nahl : 125

<sup>8</sup> Luqman : 15

yang berkualiti zahir dan batin. Dengan kewujudan pendakwah yang sebegini akan membawa kesejahteraan pada masyarakat dalam urusan dunia dan akhirat.

## **Wasatiyyah antara sistem pondok dan pendidikan moden**

Sistem pendidikan pondok yang berasaskan pembelajaran kitab-kitab kuning dari kulit ke kulit adalah satu sistem yang mempunyai jasa dan sumbangan yang tersendiri. Namun kebergantungan kepada kitab-kitab kuning tanpa menerima sumber-sumber penting dalam khazanah ilmu islam yang lain akan melahirkan individu yang berpengetahuan secara terperinci dalam suatu pendapat atau mazhab, namun agak susah menerima perbezaan pandangan ulama yang mu'tabar dalam bidang yang sama, akhirnya, tidak mampu memahami suatu permasalahan secara menyeluruh. Malah wujud dikalangan keluaran pondok-pondok yang anti kepada sistem pembelajaran moden serta memperlekehkan graduannya seolah-olah mereka tidak mempunyai ilmu pengetahuan.

Manakala, sistem pembelajaran moden yang berasaskan pengetahuan dan kajian ilmiah umum dalam bidang- bidang yang diajarkan, akan melahirkan individu yang memahami suatu permasalahan ilmiah secara umum dalam pelbagai bab dan pandangan, namun tidak memahami setiap satu masalah secara terperinci. Membataskan kaedah pengambilan ilmu pada sistem pendidikan yang sebegini tanpa menggalakkan pembelajaran kitab-kitab turath secara terperinci akan melahirkan graduan yang tidak mahir dalam bidang yang dipelajari. Walaupun mereka mempunyai pengetahuan secara umum berkaitan kebanyakan bab yang dibincangkan dalam bidang yang dipelajari.

Oleh itu, langkah untuk menggabungkan antara dua sistem metodologi pembelajaran yang berbeza ini harus dilakukan dengan seimbang agar kebaikan yang wujud pada kedua- kedua sistem dikecapi, manakala kelemahan yang wujud dalam kedua-dua sistem dapat diatasi. Pondok-pondok perlu didedahkan dengan kepelbagaian pandangan dan sumber dalam islam dengan menambah jumlah kitab-kitab yang dipelajari sehingga mencakupi segenap aspek yang diperlukan dalam bidang kajian serta bertepatan dengan tuntutan keperluan. Manakala, usaha menggalakkan pengajaran kitab-kitab turath secara talaqqi hendaklah digalakkan di peringkat sekolah dan universiti mengikut kesesuaian kemampuan dan umur pelajar.

## **Wasatiyyah antara uslub targhib dan tarhib**

Allah telah menciptakan manusia secara fitrahnya mempunyai perasaan takut dan suka. Oleh itu, penggunaan uslub targhib dan tarhib hendaklah seimbang agar tidak menyebabkan manusia berputus asa terhadap rahmat Allah kerana terlalu takut, atau terlalu cuai dalam melaksanakan tanggungjawab agama kerana terlalu yakin terhadap pengampunan Allah s.w.t.



Berdasarkan sejarah pembentukan aqidah dalam islam, golongan murji'ah adalah golongan yang terlalu bergantung kepada nusus targhib dan mengabaikan nusus tarhib. Manakala golongan khawarij pula terbentuk dari golongan yang hanya bergantung kepada nusus tarhib dan mengabaikan nusus targhib. Begitu juga, terdapat golongan yang tersesat dalam pemahaman nusus syara' apabila bergantung kepada nusus yang berkaitan kecintaan dan rahmat Allah tanpa menghiraukan nusus targhib dan tarhib. Golongan ketiga ini adalah golongan yang tersesat dikalangan sebahagian pengikut ilmu tasawuf .

Wasatiyyah dalam perkara ini adalah keseimbangan dalam menggabungkan antara ketiga-tiga jenis nusus mengikut kesesuaian konteks dan keadaan dalam pelbagai bidang kehidupan. Cara yang terakhir inilah merupakan manhaj ahlis Sunnah wal jamaah yang meletakkan ketiga-tiga elemen mahabbah, khauf dan raja' sebagai tiga rukun dalam amalan qalbiyyah.

## Kesimpulan

Sebagai kesimpulan, dapatlah kita rumuskan beberapa perkara penting :

**Pertama** : perinsip wasatiyyah bermaksud keseimbangan dalam memilih yang baik dan yang terbaik dalam segala perkara.

**Kedua** : kayu ukur yang menentukan suatu perkara itu dianggap wasatiy atau tidak adalah syariat islam.

**Ketiga** : wasatiyyah dalam memahami tugas pendidik perlu merujuk kepada kesyumulan tugas dakwah Rasulullah s.a.w.

**Keempat**: wasatiyyah dalam penggunaan akal adalah dengan mengoptimumkan fungsinya ketika mengkaji alam nyata, manakala ketika berdepan dengan urusan ghaib akal hendaklah berfungsi sebagai alat untuk memahami nas al-quran dan Sunnah, bukan penghukum dan pemutus keputusan, malah hendaklah tunduk dan beriman dengan keduanya tanpa sebarang keraguan.

**Kelima** : meletakkan fungsi ilmu aqidah dan dakwah sesuai pada tempatnya adalah sangat penting dalam mewujudkan da'i yang berkualiti dan mad'u yang patuh.

**Keenam** : menggabungkan antara sistem talaqqi pondok dan sistem pendidikan moden sangat penting untuk melahirkan pelajar yang berkualiti.

**Ketujuh** : Penggunaan uslub targhib dan tarhib hendaklah seimbang dalam semua bidang dan urusan.

وصلی الله علی محمد وعلی آله وصحبه وبارک وسلم. والحمد لله رب العالمین .

## **Rujukan :**

Al-quranul karim

Al-Jalinar Muhammad As-Sayyid, “قضية الألوهية بين الدين والفلسفة” , Kaherah , Maktabah Al-Azhariyyah lil tutrath.

Al-Albani Muhammad Nasiruddin “سلسلة الأحاديث الصحيحة” Riyadh, 2000 M, Maktabatul Ma’arif.

An-Nasa’ie Ahmad bin Syu’ib, “سنن الكبرى” Beirut ,1995 M , Darul Kutub ilmiyyah.

As-shalabi Muhamaad Ali “الوسطية في القرآن” Al-Syariqah, Maktabatus Shahabah

Ibnu Faris, “معجم مقاييس اللغة” Lubnan, 2001M-1422H, Dar Ihya Turath Al-Arabi

Ibnu Manzhur “لسان العرب” Beirut, Dar Ihya Turath Al-Arabi dan Muassasah At-Tarikh Al-Arabi